

30 MAY 2001

Parlimen-Demonstrasi

PENYOKONG ABDURRAHMAN ADA DEMONSTRASI APABILA PARLIMEN PUTUSKAN DAKWANYA

JAKARTA, 30 Mei (Bernama) -- Beribu-ribu penyokong fanatik Presiden Abdurrahman Wahid dari Jawa Timur hari ini mengadakan demonstrasi bising di bangunan Parlimen di tengah-tengah bandaraya ini apabila Parlimen memutuskan untuk mendakwa beliau di Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR) atas dakwaan penglibatannya dalam dua skandal kewangan.

Sebelum itu, mereka berkumpul di luar istana Presiden sebelum berarak ke bangunan Parlimen yang menyebabkan kesesakan lalu lintas di Jalan Husni Thamrin dan Jalan Sudirman, laluan utama di bandaraya ini.

Mereka berkumpul di sekitar pintu masuk bangunan itu dan cuba memasuki kawasannya, yang terletak beberapa ratus meter dari Pusat Konvensyen Jakarta (JCC), tempat berlangsungnya Sidang Kemuncak negara-negara membangun Kumpulan 15 (G-15) yang turut dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sekatan ketata polis dan tentera dapat menghalang mereka daripada berbuat demikian.

Sidang kemuncak itu dirasmikan oleh Abdurrahman pagi ini di tengah-tengah langkah-langkah keselamatan ketat oleh sekurang-kurangnya 4,000 anggota tentera dan polis.

Sesetengah penunjuk perasaan itu dilihat cuba memanjat pagar-pagar tinggi di sekitar kawasan itu tetapi wayar berduri yang dipasang di bahagian atas pagar menyebabkan mereka gagal berbuat demikian.

Apabila mereka tiba di sini beberapa hari lepas, polis menjalankan pemeriksaan menyeluruh ke atas para penumpang kereta api dan bas serta merampas mancis api, sabit dan lembing yang dibawa oleh para penyokong.

Di Jawa Timur, kubu kuat politik Abdurrahman, sekurang-kurangnya seorang terbunuh hari ini apabila polis cuba menyuraikan beribu-ribu orang penunjuk perasaan yang terdiri daripada anggota Nahdatul Ulama (NU), iaitu pertubuhan Islam terbesar di Indonesia, yang berhimpun di jalan-jalan di wilayah padat penduduk itu.

Mereka juga membakar dua gereja, rumah dan bangunan milik pertubuhan Islam saingan NU iaitu Muhammadiyah dan Partai Amanat Nasional (PAN) yang diketuai oleh Amien Rais, Speaker MPR yang merancang pemilihan Abdurrahman sebagai presiden Indonesia keempat tetapi kini menjadi pengkritiknya.

Polis di seluruh negara diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga sejak Ahad dan diarahkan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang membuat kacau dan dibenarkan menembak mereka yang didapati merosakkan harta awam.

-- BERNAMA

OPP RZS NAK